

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan semasa kajian luar serta ketika penyiapan projek penyelidikan ini dijalankan.

Mula-mula sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya, Puan Roziah Omar. Beliau telah memberi tunjukajar, cadangan serta galakan yang tidak terkira untuk membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada para responden saya di Daerah Batu Pahat, Pejabat Daerah Batu Pahat dan Pegawai Daerah Batu Pahat.

Akhir sekali, penghargaan istimewa juga ditujukan khas kepada ibubapa saya dan tidak ketinggalan juga kawan saya, Sharon Teo yang telah membantu saya semasa perjalanan kajian luar di Daerah tersebut serta Puan Leong yang sudi menaipkan projek penyelidikan ini.

Sekali lagi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengorbankan masa dan tenaga sehingga dapat selesainya projek penyelidikan ini.

Wendy Lim Hui Thing

Jabatan Antropologi & Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji golongan wanita Cina di bandar mengenai cara mereka bertindak ke atas proses penuaan dan putus haid.

Bab I menghuraikan objektif bidang, kepentingan, metodologi dan masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan serta cara mengatasinya. Dalam bab ini juga diterangkan bagaimana ahli responden dipilih dan latarbelakang para responden serta tempat kajiannya.

Bab II membincangkan persepsi dan sikap wanita Cina terhadap kedua-dua proses penuaan dan putus haid. Penerangan akan diberi kepada dua proses tersebut. Di samping itu juga akan disentuh mengenai teori antropologikal yang berkenaan dengannya. Seterusnya perbincangan juga ditumpukan pada pembentukan sosial dan budaya masyarakat Cina traditional, persepsi dan sikap mereka terhadap penuaan dan putus haid serta perkaitan yang wujud di antara kedua-dua proses ini.

Bab III meneliti jenis simton-simton putus haid yang wujud dan adakah simton-simton ini hadir di kalangan masyarakat yang dikaji. Sementara itu, akan dilihat juga bagaimana persepsi dan sikap seseorang itu akan mempengaruhi simton-simton yang mungkin dilaluinya itu.

Bab IV mengemukakan jenis rawatan dan perkhidmatan kesihatan yang wujud dan setakat manakah rawatan didapati oleh masyarakat yang dikaji ini. Di samping itu akan diuraikan mengenai Terapi Penggantian Estrogen (TPE), kesan dan kontroversi yang wujud terhadapnya. Seterusnya akan juga dibincangkan mengenai jenis rawatan alternatif yang lain.

Bab V akan menerangkan kesimpulan yang telah dibuat oleh pengkaji dari hasil penyelidikannya ini/ Di samping itu, pengkaji juga telah memberi pendapat serta cadangan supaya proses penuaan dan putus haid di kalangan masyarakat wanita akan diberi lebih perhatian.